

PERATURAN PERMAINAN MEMANAH

1. Peraturan Teknikal

1.1 Undang - undang permainan

- 1.1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut undang-undang "World Archery" (WA).
- 1.3.4 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi penafsirannya, maka undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.
- 1.3.5 Kejadian diluar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan atau undang-undang berkenaan akan diputuskan seperti berikut:-
 - a) Semua kejadian akan diputuskan berasaskan Peraturan Am HESF 2023.
 - b) Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasaskan kepada Undang-Undang "World Archery" (WA).

1.2 Perkara yang tidak dinyatakan

- 1.2.1 Rujuk Peraturan Am HESF 2023.

2. Peraturan Pertandingan

2.1 Acara/Kategori yang dipertandingkan

2.1.1 Kategori Individu

Setiap pasukan dibenarkan mendaftar tidak lebih daripada empat (4) orang peserta lelaki dan empat (4) orang peserta wanita bagi setiap kategori Recurve dan Compound.

2.3.4 Kategori Berpasukan

Satu pasukan hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya tiga (3) orang dan tidak lebih daripada empat (4) orang peserta bagi setiap kategori Recurve dan Compound.

2.2 Pendaftaran dan pembentukan Pasukan

Status	Lelaki		Wanita	
	Recurve	Compound	Recurve	Compound
Pengurus / Jurulatih	2		2	
Peserta	4	4	4	4

2.3 Sistem Pertandingan

2.3.1 Pertandingan akan dijalankan mengikut sistem 70m / 50m Round dan Olympic Round.

2.3.2 Acara Individu

2.3.2.1 Pusingan Kelayakan (Qualification Round)

Setiap pemanah akan bertanding di dalam pusingan kelayakan (70m Round & 50m Round) dengan memanah pada jarak 70m bagi kategori Recurve dan 50m bagi kategori Compound.

2.3.2.2 Pusingan Kalah Mati (Olympic Round)

32 pemanah terbaik daripada pusingan kelayakan akan dipilih untuk pertandingan di dalam pusingan olimpik. Setiap pemanah akan disusun mengikut jadual pertandingan yang telah ditetapkan (lihat undang-undang WA).

Bagi kategori recurve, pemanah akan memanah pada jarak 70m dengan menggunakan ‘target face’ 122cm dimana kiraan menggunakan “set system” (lihat undang-undang WA).

Bagi kategori compound, pemanah akan memanah pada jarak 50m dengan menggunakan ‘target face’ 80cm (6 rings) dimana kiraan menggunakan “cumulative scoring system” (lihat undang-undang WA).

Setiap pertandingan menemukan dua (2) peserta dan pemenang akan maju ke peringkat seterusnya.

2.3.3 Acara Berpasukan

16 pasukan teratas akan dipilih berdasarkan daripada markah-markah yang dikumpulkan oleh pemanah-pemanah dalam pusingan kelayakan.

Pasukan tersebut akan bertanding secara kalah mati dengan memanah pada jarak 70m bagi kategori recurve dan 50m bagi kategori compound dengan menggunakan jadual pertandingan yang dikeluarkan oleh WA (lihat undang-undang WA).

Setiap pertandingan menemukan dua (2) pasukan dan pemenang akan maju ke peringkat seterusnya.

2.3.4 Acara Berpasukan Campuran

Dalam setiap kategori, setiap pasukan terdiri daripada dua peserta iaitu seorang (lelaki) dan seorang (wanita) dipilih berdasarkan skor terbaik mereka semasa pusingan kelayakan individu.

16 pasukan teratas akan dipilih berdasarkan daripada markah-markah yang dikumpulkan oleh pemanah-pemanah dalam pusingan kelayakan.

Pasukan tersebut akan bertanding secara kalah mati dengan memanah pada jarak 70m bagi kategori recurve dan 50m bagi kategori compound dengan menggunakan jadual pertandingan yang dikeluarkan oleh WA (lihat undang-undang WA).

Pemanah lelaki dan wanita yang dibentuk untuk berpasukan campuran mesti daripada pasukan dan kategori yang sama.

Recurve		Compound
<u>Lelaki/Wanita</u> Jarak 70m 70m Round 6 ends (6 arrow/end) x 2 <i>Target Face 122cm</i>	Pusingan Kelayakan	<u>Lelaki/Wanita</u> Jarak 50m 50m Round 6 ends (6 arrow/end) x 2 <i>Target Face 80 cm (6 rings)</i>
Jarak 70m <i>Target Face 122cm</i> 5 sets (3 arrow/set) <i>Set system</i>	Pusingan Olimpik Individu	Jarak 50m <i>Target Face 80cm (6 rings)</i> 5 ends (3 arrow/end) <i>Cumulative scoring</i>
Jarak 70m <i>Target Face 122cm</i> 4 ends (6 arrow/end) <i>Set system</i>	Pusingan Olimpik Berpasukan	Jarak 50m <i>Target Face 80cm (6 rings)</i> 4 ends (6 arrow/end) <i>Cumulative scoring</i>
Jarak 70m <i>Target Face 122cm</i> 4 ends (4 arrow/end) <i>Set system</i>	Pusingan Olimpik Berpasukan Campuran	Jarak 50m <i>Target Face 80cm (6 rings)</i> 4 ends (4 arrow/end) <i>Cumulative scoring</i>

2.4 Pakaian Pertandingan

- 2.4.1 Pakaian hendaklah yang bersesuaian dan tidak melanggar undang-undang WA.

2.5 Peralatan Pertandingan

- 2.5.1 Peralatan Recurve dan Compound serta kelengkapan berkaitan yang tidak melanggar undang-undang WA.

2.6 Hadiah Kemenangan

- 2.6.1 Pusingan Kelayakan (70m & 50m Round) (Setiap kategori)

Johan	-	Lelaki/Wanita
Naib Johan	-	Lelaki/Wanita
Ketiga	-	Lelaki/Wanita

- 2.6.2 Pusingan Olimpik Individu (Setiap kategori)

Johan	-	Lelaki/Wanita
Naib Johan	-	Lelaki/Wanita
Ketiga	-	Lelaki/Wanita

- 2.6.3 Pusingan Olimpik Berpasukan (Setiap kategori)

Johan	-	Lelaki/Wanita
Naib Johan	-	Lelaki/Wanita
Ketiga	-	Lelaki/Wanita

- 2.6.4 Pusingan Olimpik Berpasukan Campuran (Setiap kategori)

Johan	-	Recurve/Compound
Naib Johan	-	Recurve/Compound
Ketiga	-	Recurve/Compound

3. Ringkasan Penyertaan

Bil	Acara Sukan	Jumlah Atlet Lelaki	Jumlah Atlet Wanita	Pegawai	Jumlah Keseluruhan
1	Individu dan Berpasukan	8	8	4	20